

## ANALISIS KESALAHAN IMBUHAN DALAM PENULISAN KARANGAN PELAJAR DAN HUBUNG KAIT DARI SEGI MAKNA GRAMATIKAL

*(Affix Errors in Essay Writing and its Relation in Terms of Meaning Based on the Concept of Grammatical Meaning)*

**NURUL ADZWA AHAMAD**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[nrladwa@gmail.com](mailto:nrladwa@gmail.com)

**NUR FARAHKHANNA  
MOHD RUSLI**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[farahkhanna@fbk.upsi.edu.my](mailto:farahkhanna@fbk.upsi.edu.my)

**NORFAIZAH ABDUL JOBAR**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my](mailto:norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my)

**Dihantar pada:**

28 Februari 2020

**Diterima pada:**

07 April 2020

**Koresponden:**

[farahkhanna@fbk.upsi.edu.my](mailto:farahkhanna@fbk.upsi.edu.my)

**Abstrak:** Makalah ini bertujuan menjelaskan kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan dan hubung kait dari segi makna berdasarkan konsep makna gramatikal dan mengaplikasikan prosedur Analisis Kesalahan Corder (1973). Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan, pemerhatian dengan menggunakan buku catatan dan borang maklum balas (karangan). Responden kajian merupakan 30 orang pelajar tingkatan 4. Lokasi kajian adalah di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat 66 kesalahan imbuhan yang terdiri daripada (a) imbuhan kata nama sebanyak 14 kesalahan, (b) imbuhan kata kerja sebanyak 41 kesalahan dan (c) imbuhan kata adjektif dengan satu kesalahan sahaja. Kesalahan ini turut termasuk kesalahan dari segi (d) tidak menggunakan imbuhan pada perkataan yang memerlukan imbuhan iaitu sebanyak empat kesalahan dan (e) penggunaan imbuhan yang tidak terdapat dalam nahu sebanyak enam kesalahan. Berdasarkan dapatan kajian, kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti turut mempunyai hubung kait dari segi makna. Hal ini kerana apabila murid menggunakan imbuhan yang salah, ia sekali gus tidak dapat menyampaikan makna ayat seperti mana yang ingin disampaikan. Implikasi kajian dapat membantu para guru untuk mengetahui kelemahan penggunaan imbuhan dan murid dapat mengetahui kelemahan diri dan memperbaiki sekali gus meningkatkan pencapaian kendiri.

**Kata kunci:** kesalahan imbuhan, penulisan karangan, makna gramatikal, analisis kesalahan Corder, golongan kata

**ABSTRACT:** The aim of the article is to explain The Affix Errors in Essay Writing and its Relation in Terms of Meaning Based on The Concept of Grammatical Meaning with the applies of the procedure of Corder Error Analysis (1973). The data were obtained through library research, observation by using notebook and feedback forms (essay). The respondents were selected among 30 form 4 students. The location is one of the secondary school at Negeri Sembilan. The findings shows that there are 66 affix errors which consist of (a) noun affixes with 14 errors, (b) verb affixes with 41 errors and (c) adjective affixes with only 1 error. These errors included errors in terms of (d) not using affixes for words that needed affixes with 4 errors and (e) the use of affixes are not in nahu with 6 errors. Based on the findings, affix errors that had been identified also has relation in terms of meaning. This is because when students use the wrong affixes, they cannot convey the meaning of the sentence just as what they wants to convey. The implication shows that the teachers are easier to know the weaknesses of the aspect of the useses of affixes and students know their own weaknesses and make improvement, and then increase self-achievement.

**Key Words:** Affix errors, essay writing, grammatical meaning, Corder error analysis, parts of speech

## PENGENALAN

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah telah digubal untuk memberi penekanan kepada Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Dalam kurikulum ini, keduanya standard perlu diketahui dan dilaksanakan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran adalah berlandaskan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang akan disokong oleh elemen pengisian kurikulum. Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016), penekanan telah diberikan terhadap kemahiran bahasa. Hal ini kerana kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu dan kemahiran ini telah diorganisasikan kepada lima bentuk modul kemahiran bahasa, iaitu Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Modul Kemahiran Membaca, Modul Kemahiran Menulis, Modul Aspek Seni Bahasa dan Modul Aspek Tatabahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM 2016).

Dalam kajian ini, penekanan akan diberikan terhadap Modul Aspek Tatabahasa. Namun, Kurikulum Modul Aspek Tatabahasa ini hanya memfokuskan kepada aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang merupakan antara elemen utama yang terkandung dalam penulisan karangan. Seperti yang dijelaskan oleh Noor Hidayu dan Yahya (2016), kemahiran menulis karangan merupakan peringkat tertinggi dalam peringkat kemahiran berbahasa. Oleh itu, kajian ini akan meneliti aspek morfologi dan hubung kaitnya dari segi makna gramatikal. Hal ini kerana kemahiran ini merupakan kemahiran tatabahasa dan merupakan komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam pengajaran Bahasa Melayu, aspek tatabahasa merupakan salah satu unsur penting. Aspek ini perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid untuk membolehkan mereka menguasai sistem bahasa dengan cekap.

Selain itu, pengajaran tatabahasa juga penting kepada murid untuk peperiksaan kerana soalan-soalannya juga terkandung dengan aspek tatabahasa. Jika pengajaran tidak berkesan, maka murid berkemungkinan menghadapi kesukaran untuk menguasai aspek-aspek tatabahasa yang dipelajari. Impaknya, mereka tidak akan dapat menterjemahkan aspek tatabahasa yang difahami dengan betul, sebaliknya aspek yang

diterjemahkan lebih kepada bentuk-bentuk kesalahan tatabahasa merangkumi pelbagai aspek morfologi, sintaksis dan ortografi.

Kesalahan bahasa merupakan kombinasi dua perkataan “kesalahan” dan “bahasa”. Kesalahan merujuk kepada perbuatan salah atau kesilapan. Bahasa pula bermakna sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Menurut Wilhem Von Humboldt (1969), bahasa ialah satu sintesis daripada bunyi yang dibentuk oleh “*lautform*” bentuk luaran dan fikiran yang dibentuk oleh “*idenform*” bentuk dalaman. Hasilnya, pelbagai ragam ujaran yang tidak terbatas jumlahnya dapat diterbitkan (dipetik dalam Yahya 2005).

Zaliza (2017) berpendapat kesalahan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesilapan itu meliputi semua aspek seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Oleh yang demikian, kesalahan bahasa ini tidak boleh dipandang remeh sebaliknya harus diberi perhatian serius khasnya dalam mengurangkan kesalahan bahasa yang merangkumi kesalahan tatabahasa di peringkat awal lagi, iaitu merujuk kepada konteks institusi pendidikan di negara kita.

## PENYATAAN MASALAH

Terdapat banyak kajian yang membuktikan kesalahan imbuhan masih berlaku dalam kalangan pelajar, contohnya melalui kajian yang dijalankan oleh Alhaadi dan Zaitul Azma Zainon (2018) yang bertujuan menganalisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua, iaitu pelajar Cina dari aspek morfologi. Hasil kajian membuktikan bahawa kesalahan imbuhan yang kerap dilakukan oleh murid adalah dari segi penggunaan imbuhan awalan *di-*, imbuhan awalan *men-* dan alomorfnya. Kedua-duanya berpendapat bahawa perbezaan linguistik antara dua bahasa boleh menimbulkan kesukaran kepada murid untuk mempelajari bahasa kedua, bahkan bahasa asing termasuklah Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua dalam kalangan penutur berbangsa Cina.

Kajian oleh Amirra Shazreena dan Vijayaletchumy (2019) yang mengkaji kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam

kalangan murid di lima buah SJK Tamil juga menunjukkan penguasaan imbuhan yang lemah dalam kalangan responden. Hasil kajian menunjukkan 56% murid tidak menguasai imbuhan *men-*, 62% murid tidak menguasai imbuhan *me-*, 69% pelajar tidak menguasai imbuhan *menge-* dan 72% murid lain tidak menguasai imbuhan *meny-*. Kedua-dua pengkaji mengaitkan situasi kesalahan imbuhan ini dengan faktor murid yang tidak dapat memahami kehendak soalan yang dikemukakan selain tidak biasa menggunakan imbuhan di rumah dan di sekolah.

Melalui kajian oleh Siti Norsyahida, Nor Azwan dan Che Ibrahim (2015) yang mengkaji penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi pula, hasil kajian menunjukkan kesilapan morfologi sememangnya tidak dapat dikesampingkan dan para pengkaji berpendapat kesalahan bahasa seperti ini akan akan merosakkan bahasa itu sendiri. Tambahan pula, penulis-penulis blog daripada 10 artikel laman blog yang dikaji kebanyakannya merupakan penulis berbangsa Melayu seperti Yuyu Zulaikha (Tajuk blog: *Kerana Taksuh, Akidah Gugur*), Fatin Liyana (Tajuk blog: *Perkara yang Korang Patut Amik Tahu kalau Nak Pakai Braces*), Muhammad Naim (Tajuk blog: *Cara Rasulullah Menjaga Kesihatan Diri*), Zack Zukhairi (Tajuk blog: *Teknologi Membunuh!*) dan lain-lain.

Oleh sebab media sosial memainkan peranan penting pada masa kini, maka medium ini merupakan antara salah satu saluran yang sering digunakan generasi muda untuk berkongsi maklumat dengan pengguna sosial yang lain. Namun, jika perkara asas aspek bahasa dalam penulisan diabaikan, selain mengelirukan murid dari segi penggunaan Bahasa Melayu yang salah dari aspek tatabahasa, maka para pengkaji berpendapat keadaan ini akan memberi kesan negatif kepada murid itu sendiri.

Dapatan kajian Norsidah, Jamaludin dan Fairose (2010) yang mengkaji kelemahan tatabahasa murid Cina dalam karangan pula mendapati terdapat sembilan aspek kesalahan morfologi telah dikenal pasti termasuklah kesalahan penggunaan imbuhan, kata tugas, ganti nama diri, kosa kata dan ejaan serta kesalahan dari segi struktur ayat. Dari segi kesalahan imbuhan, antara kesalahan yang sering dilakukan ialah imbuhan awalan *beR*, *di*, *ke*, *meN* dan *pe*. Faktor

yang dikaitkan dengan kesalahan morfologi ini adalah disebabkan masalah kelemahan tatabahasa murid Cina itu sendiri yang bukan penutur jati Bahasa Melayu selain faktor persekitaran, minat dan tahap motivasi berbeza-beza oleh murid terhadap penerimaan bahasa kedua, iaitu Bahasa Melayu.

Berdasarkan kajian Roasharimah dan Zamri (2017) pula, kajian kedua-duanya menanggapi bahawa walaupun murid Cina memberikan respons bahawa Bahasa Melayu bukanlah mata pelajaran yang mudah dipelajari, namun terdapat sebahagian daripada mereka yang menunjukkan sikap suka bertanya kepada guru, rakan dan memberi perhatian ketika mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas. Sungguhpun demikian, murid tidak berani mencuba dan memberikan pendapat apabila ditanya kerana bimbang dan malu jawapan yang diberikan itu salah.

Bagi Nurul Aisyah, Zamri dan Nor Azwa Hanum (2016), pengajaran kemahiran berbahasa ini berlaku disebabkan murid tidak berpeluang mendirikan asas berbahasa yang kukuh sewaktu di tahap sekolah rendah. Pada peringkat menengah pula, murid lebih memberi tumpuan terhadap peperiksaan atas dasar ingin lulus. Dalam erti kata lain, murid mempelajari bahasa untuk menjawab soalan peperiksaan dan bukan untuk mendapatkan kemahiran berbahasa yang baik walaupun dalam konteks penulisan.

Seterusnya, kajian Zaliza (2017) yang mengkaji kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam penulisan karangan murid berpendapat bahawa antara sebab-sebab berlakunya kesalahan seperti ini adalah kerana faktor kekurangan pengetahuan tentang sistem Bahasa Melayu, dan kekeliruan tentang makna perkataan. Bagi Salinah dan Rohaidah (2016), penguasaan Bahasa Melayu yang asas ini akan menjadi masalah dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam kalangan murid. Oleh yang demikian, kajian lanjutan, saranan dan cadangan yang berkaitan perlu diketengahkan untuk membantu murid mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan lebih baik.

Berdasarkan permasalahan daripada data kajian-kajian lepas, jelas bahawa isu kesalahan tatabahasa masih berlarutan. Jumlah peratusan kesalahan yang dikemukakan daripada setiap kajian menunjukkan isu kesalahan tatabahasa jelas menyumbang kepada permasalahan penguasaan

sistem nahu Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, maka kajian tentang analisis kesalahan bahasa yang berfokus kepada aspek tatabahasa akan dilakukan. Hal ini kerana penggunaan imbuhan mampu mempengaruhi binaan struktur ayat yang gramatis dalam penulisan karangan dan menyumbang kepada penghasilan binaan karangan yang mantap. Oleh itu, kajian tentang kesalahan imbuhan dan hubung kaitnya dengan makna relevan untuk dilaksanakan berdasarkan permasalahan yang timbul.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan dalam karangan murid.
2. Menganalisis kesalahan imbuhan dan hubung kaitnya dari segi makna gramatikal.

### **METODOLOGI**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi, iaitu mengintegrasikan beberapa pendekatan yang berbeza-beza bagi mendapatkan lebih daripada satu bentuk data. Sejajar dengan objektif pertama, kaedah kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan dalam karangan murid. Bagi objektif kedua pula, iaitu bertujuan menganalisis kesalahan imbuhan dan hubung kaitnya dari segi makna gramatikal, maka kaedah kualitatif akan digunakan untuk menjelaskan kedua-dua aspek tersebut secara deskriptif dan terperinci. Integrasi kedua-dua kaedah ini dijangka dapat menghasilkan dapatan yang empirikal selain meningkatkan kesahan data yang dikumpul.

Bagi kaedah kuantitatif, analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis bilangan kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan dalam karangan. Menurut Amirotun (2016), statistik deskriptif mempunyai tugas mengorganisasi dan menganalisis data atau angka bertujuan memberi gambaran secara teratur, ringkas dan jelas tentang gejala, peristiwa atau keadaan yang dikaji hingga dapat memberi pengertian atau makna tertentu.

Dalam konteks kajian ini, analisis statistik deskriptif digunakan untuk mempersempit kesalahan tentang kekerapan kesalahan penggunaan

imbuhan oleh murid dalam bentuk jadual dan rajah. Kaedah pengiraan yang digunakan melibatkan pengiraan secara mudah, iaitu pengiraan terhadap kekerapan dan peratusan kesalahan penggunaan imbuhan sahaja. Setiap penomboran yang dipersembahkan akan dihuraikan secara deskriptif atau secara umum bertujuan memberi kejelasan makna terhadap data-data yang dikemukakan.

Bagi kaedah kualitatif, Ghazali dan Sufean (2018) menjelaskan kajian yang menggunakan kaedah ini dapat meneroka lebih mendalam isu yang dikaji melalui paduan dan sokongan pelbagai sumber data. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, data dalam bentuk jadual dan rajah akan dihuraikan secara umum terlebih dahulu. Dalam erti kata lain, data dalam bentuk kuantitatif akan menunjukkan jumlah tertentu terhadap kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid.

Berdasarkan data tersebut, kaedah kualitatif yang seterusnya memainkan peranan untuk menjelaskan sebab kesalahan tersebut secara terperinci dengan mengaitkannya dengan makna gramatikal. Setiap data kualitatif yang dikumpul untuk kajian ini telah dirujuk dengan pensyarah penyelia yang merupakan salah seorang pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Memandangkan skop kajian ini tercakup dalam bidang pendidikan kerana melibatkan murid sekolah, maka kerelevan merujuk data dengan tenaga pengajar di institusi tersebut dilihat sebagai wajar bagi tujuan semakan samada data yang diperoleh adalah bertepatan dengan objektif kajian atau sebaliknya.

Dalam kajian ini, makna gramatikal digunakan untuk melihat daripada segi kesan konteks makna apabila berlaku kesalahan imbuhan dalam sesuatu ayat. Namun, prosedur analisis kesalahan Corder (1973) digunakan untuk mengenal pasti kesalahan imbuhan ini dan seterusnya disusuli dengan analisis makna gramatikal untuk memberi justifikasi hubung kait kesalahan imbuhan dengan makna ayat.

#### **Responden Kajian**

Kajian ini dilakukan di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan yang merupakan sekolah pengkaji menjalani latihan mengajar

selama dua bulan. Atas dasar ini, maka sekolah tersebut dipilih untuk memudahkan pemerolehan maklumat berkaitan dengan kajian. Responden pula terdiri daripada 30 orang murid tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan yang terdiri daripada murid berbangsa Melayu (20 orang), Cina (5orang) dan India (5orang).

### Kaedah Pengumpulan Data

Dari segi pengumpulan data, kaedah kepustakaan dan pemerhatian telah dilakukan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, kaedah triangulasi digunakan, iaitu mengintegrasikan beberapa pendekatan yang berbeza-beza untuk menghasilkan kepelbagaiuan data. Dalam kajian ini, kaedah kepustakaan digunakan dengan merujuk sumber bertulis daripada kajian terdahulu seperti disertasi, jurnal, buku akademik dan sebagainya untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian, sama ada dari segi kelompongan kajian terdahulu yang mewajarkan kajian ini dilakukan, atau pandangan para sarjana bagi mengulas atau mengukuhkan data tentang isu yang dikaji.

Kaedah pemerhatian pula dilakukan dengan menerapkan teknik pemerhati sebagai peserta di dalam kelas sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, iaitu pengkaji sebagai guru Bahasa Melayu hanya memberi arahan kepada responden untuk menghasilkan sebuah karangan berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan. Responden akan menulis karangan tanpa semakan secara langsung (pengkaji membetulkan kesalahan murid semasa murid menulis karangan) bagi membolehkan kesalahan bahasa, khususnya kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid dapat diperoleh daripada penulisan tersebut.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada buku catatan dan borang maklum balas. Buku catatan digunakan bagi mencatat tinjauan awal kajian pada peringkat bacaan hasil daripada kajian-kajian terdahulutentang kajian ini.Seterusnya, borang maklum balas digunakan, iaitu merujuk kepada 30 sampel teks karangan yang dihasilkan oleh murid. Bagi tujuan ini, murid akan menghasilkan karangan berdasarkan soalan

peperiksaan pertengahan tahun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

### JADUAL 1: Soalan Karangan

<p><b>Bahagian B</b> [100 markah] [Masa dicadangkan 1 jam 30 minit]</p> <p>Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 kata perkataan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua pelajar diwajibkan menyertai kegiatan kurikulum di sekolah. Huraikan kebaikan kegiatan kurikulum kepada anda.</li> <li>2. Aktiviti riadah bersama-sama keluarga dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan ahli keluarga itu sendiri. Bincangkan peranan ibu bapa dalam mewujudkan keluarga bahagia.</li> <li>3. Amalan gaya hidup sihat perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat sebagai usaha mengelakkan penyakit berbahaya. Berikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk menerapkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.</li> <li>4. Kenaikan harga barang keperluan memberi impak yang besar dalam pertumbuhan ekonomi negara. Bincangkan pernyataan ini.</li> <li>5. Setiap hasil karya mengandungi nilai-nilai murni yang boleh diteladani oleh pembaca. Berdasarkan sebuah karya yang pernah anda baca, huraikan tiga nilai murni yang dimasukkan dalam karya tersebut.</li> </ol>
--

Berdasarkan bahan rangsangan di atas, terdapat lima soalan yang dikemukakan dalam karangan Bahagian B untuk dipilih oleh murid. Kewajaran memilih soalan pilihan seperti di atas adalah untuk menggalakkan penghasilan penulisan yang pelbagai yang dalamnya terkandung isu-isu berkaitan kesalahan tatabahasa, khususnya yang berfokus kepada aspek kesalahan imbuhan. Bagi mendapatkan data tersebut, maka 30 orang murid masing-masing akan menghasilkan 30 sampel teks karangan berdasarkan soalan yang dipilih.

Setiap sampel teks karangan akan dianalisis secara satu per satu dengan cara membaca, menyemak, mengenal pasti dan seterusnya menyenaraikan kesalahan penggunaan imbuhan yang terdapat dalam setiap sampel teks karangan. Setiap kesalahan imbuhan yang ditemui dalam 30 sampel teks karangan disenaraikan dalam jadual 2 seperti yang dikemukakan dalam bab dapatan kajian.

### DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian diperoleh melalui binaan perenggan yang dibina oleh responden. Analisis karangan dijalankan terhadap 30 sampel karangan dengan melihat bilangan perenggan, bilangan setiap ayat dalam setiap perenggan, dan bilangan kesalahan imbuhan yang mempengaruhi makna ayat. Jadual

2 membincangkan analisis sampel karangan yang dihasilkan responden kajian.

JADUAL 2: Analisis sampel karangan

Perkara	Jumlah
Perenggan	187
Ayat	866
Imbuhan	66

Jadual 2 menunjukkan sebanyak 187 perenggan yang dianalisis dalam kajian ini yang merangkumi perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup. Daripada 187 perenggan ini, sebanyak 866 ayat yang dianalisis. Hasil kajian menunjukkan terdapat 66 kesalahan imbuhan yang dilakukan dalam 30 sampel karangan yang dihasilkan murid. Jika dilihat, kesalahan struktur ayat merupakan kesalahan paling tinggi dilakukan oleh murid jika dibandingkan dengan kesalahan imbuhan. Kajian tentang struktur ayat yang tercakup dalam bidang sintaksis sememangnya sangat menarik untuk dikaji kerana mempunyai pelbagai jenis variasi data.

Namun, oleh sebab kajian ini merangkumi bidang morfologi selain kesalahan bahasa dalam bidang ini dilihat masih berlaku dalam kalangan murid, maka aspek berkaitan imbuhan telah dipilih sebagai fokus kajian. Aspek berkaitan dengan struktur ayat pula boleh dijelaskan secara terperinci dalam kajian-kajian yang berikutnya. Perbincangan seterusnya akan menjelaskan tentang kekerapan kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid.

### Kekerapan Kesalahan Imbuhan dalam Karangan

Berdasarkan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015), terdapat empat jenis imbuhan, iaitu imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Namun begitu, kekerapan kesalahan imbuhan yang didibincangkan dalam kajian ini hanya melibatkan tiga jenis imbuhan sahaja, mengikut tiga golongan kata, iaitu imbuhan kata nama, imbuhan kata kerja dan imbuhan kata adjektif. Imbuhan sisipan tidak dianalisis kerana tidak terdapat kesalahan yang melibatkan imbuhan sisipan dalam karangan murid. Untuk keterangan lanjut, Jadual 3 berikut dinyatakan kesalahan imbuhan yang dilakukan

murid berdasarkan 30 sampel karangan yang dianalisis:

JADUAL 3: Kesalahan imbuhan murid berdasarkan 30 sampel karangan

Sampel Karangan (SK)	Bangsa (B)	Perenggan (P)	Ayat (A)	Kesalahan Imbuhan (KI)	Jenis Imbuhan (JI)
SK1	India	1	-	-	-
		2	3	<i>yang mengalami</i>	meng-....-i
			4	<i>...makanan</i>	-an
			5	<i>...makanan</i>	-an
		3	1	<i>bersenaman</i>	ber-....-an
			2	<i>bersenaman</i>	ber-....-an
			5	<i>bersenaman</i>	ber-....-an
		4	1	<i>diamali</i>	di-....-i
		5	3	<i>membuat</i>	mem-
			4	<i>membuat</i>	mem-
		6	2	<i>berminum</i>	ber-
			4	<i>penagih dadah</i>	pen-
		7	1	<i>beramalkan</i>	ber-....-kan
			1	<i>sehari</i>	se-
SK2	Cina	1	4	<i>Bersoalannya</i>	ber-....-an
		2	2	<i>mengambil makan</i>	tiada imbuhan
		3	-	-	-
		4	-	-	-
		5	3	<i>bertidur</i>	ber-
SK3	India	1	-	-	-
		2	-	-	-
		3	4	<i>keluarkan</i>	ke- & -kan
		4	1	<i>pembuatan</i>	pem-....-an
			2	<i>pembuatan</i>	pem-....-an
			4	<i>menjaminkan</i>	men-....-kan
		5	2	<i>kesihatkan</i>	ke- & -kan
SK4	Cina	1	-	-	-
		2	7	<i>menetap</i>	men-
			8	<i>kurangkan</i>	-kan
			9	<i>cukupi</i>	-i
		3	1	<i>merehat</i>	me-
			3	<i>bersenaman</i>	ber-....-an
			5	<i>dikata</i>	di-
			5	<i>melahirkan daripada</i>	me-....-kan
			11	<i>merasa</i>	me-
			12	<i>merasa</i>	me-
		4	3	<i>membelajar</i>	mem-
		5	3	<i>keesok-harinya</i>	ke-
			10	<i>menguna minyak</i>	meng-
		6	1	<i>mengelakan</i>	meng-....-an
			3	<i>kehidup kita</i>	ke-
		7	1	<i>perubatan</i>	per-....-an
SK5	Melayu	1	-	-	-
		2	-	-	-
		3	-	-	-
		4	2	<i>senaman</i>	-an
		5	-	-	-

		6	-	-	-	
		7	-	-	-	
SK6	India	1	-	-	-	
		2	-	-	-	
		3	1	<i>bidang bersukan</i>	ber-	
		4	-	-	-	
		5	5	<i>pebimbang</i>	pe-	
		6	-	-	-	
		1	-	-	-	
SK7	Melayu	2	2	<i>menghadkan</i>	meng-...-kan	
		3	-	-	-	
		4	3	<i>dihadapi</i>	di-...-i	
		5	-	-	-	
		6	-	-	-	
		1	-	-	-	
		2	-	-	-	
SK8	Melayu	3	-	-	-	
		4	-	-	-	
		5	1	<i>harus bantu</i>	tiada imbuhan	
		6	-	-	-	
		7	-	-	-	
		1	-	-	-	
		2	4	<i>makanan</i>	-an	
SK9	Melayu	3	-	-	-	
		4	5	<i>mengelak diri</i>	meng-	
		5	-	-	-	
		6	2	<i>mengamal</i>	meng-	
		1	3	<i>menjaminkan</i>	men-...-kan	
		2	4	<i>perlu diambilkan</i>	di-...-kan	
		3	1	<i>bahaya</i>	tiada imbuhan	
SK10	Cina	3	2	<i>petepatan dengan</i>	pe-...-an	
			4	-	-	
		5	3	<i>berasa semangat</i>	tiada imbuhan	
			4	<i>petepatan dengan</i>	pe-...-an	
		6	-	-	-	
		7	1	<i>secara sekala</i>	se-	
			1	<i>merawat</i>	me-	
		8	-	-	-	
		1	-	-	-	
		2	-	-	-	
		3	-	-	-	
SK11	Melayu	1	2	<i>mengelak dirinya</i>	meng-	
			5	-	-	
SK12	Melayu		6	-	-	
			1	-	-	
			2	-	-	
			3	-	-	
			4	2	<i>mengdisiplin kan</i>	
			5	-	-	
			6	-	-	
SK13& SK14	Melayu	*Bagi Sampel Karangan 13 & 14, tiada kesalahan imbuhan ditemui dalam penulisan murid ini.				
SK15	Melayu	1	-	-	-	
		2	-	-	-	
		3	-	-	-	
		4	1	<i>mengdisiplin kan</i>	meng-...-kan	
		5	-	-	-	

		6	-	-	-
		7	-	-	-
SK16	Melayu	1	-	-	-
		2	-	-	-
		3	-	-	-
		4	-	-	-
		5	-	-	-
		6	1	<i>kebaikan</i>	ke-...-kan
		1	-	-	-
SK17 hingga SK24	Melayu	*Bagi Sampel Karangan 17 hingga 24, tiada kesalahan imbuhan ditemui dalam penulisan murid.			
SK25	Melayu	1	-	-	-
		2	-	-	-
		3	5	<i>mengakibat kes</i>	meng-
		4	-	-	-
		5	-	-	-
		6	-	-	-
		1	-	-	-
SK26	India	2	-	-	-
		3	-	-	-
		4	5	<i>...terlibatan</i>	ter-...-an
		5	-	-	-
		1	-	-	-
		2	1	<i>berfokus</i>	ber-
		3	-	-	-
SK27	India	4	-	-	-
		5	-	-	-
		6	-	-	-
		7	-	-	-
		1	-	-	-
		2	5	<i>menyiapkan</i>	meny-
		3	3	<i>berbualan</i>	ber-
SK28	Cina	4	4	<i>kebanyakkan</i>	ke-...-kan
		5	-	-	-
		6	-	-	-
		1	-	-	-
		2	6	<i>melibat</i>	me-
		3	-	-	-
		4	1	<i>bergaduhan</i>	ber-...-an
SK29	Cina	5	2	<i>melakukan</i>	me-...-kan
		6	-	-	-
		1	-	-	-
		2	5	<i>mendidikan</i>	men-...-kan
		3	-	-	-
		4	-	-	-
		5	3	<i>peningkat</i>	pen-
SK30	Melayu	1	-	-	-
		2	-	-	-
		3	-	-	-
		4	-	-	-
		5	-	-	-

Jadual 3 menunjukkan daripada 30 sampel karangan yang dihasilkan oleh 30 orang murid. Hanya 11 sampel karangan yang bebas daripada kesalahan imbuhan dan karangan ini dihasilkan oleh murid Melayu (SK13, SK14, SK17 hingga SK24). 19 sampel karangan lainada menunjukkan penggunaan imbuhan yang tidak gramatis bukan sahaja dihasilkan oleh murid Melayu, bahkan oleh murid bahasa kedua, iaitu murid Cina (SK2, SK4, SK10, SK28 & SK29) dan India (SK1, SK3, SK6, SK26 dan SK27). Daripada jumlah ini, ternyata masih ada murid yang belum dapat menguasai

penggunaan imbuhan yang tepat dalam penulisan, walaupun oleh penutur natif bahasa Melayu itu sendiri seperti yang ditunjukkan dalam SK7, SK9 dan SK30.

Dari segi kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid bahasa kedua, isu ini sememangnya tidak boleh dikesampingkan kerana kesukaran para murid menguasai sistem kebahasaan yang bukan bahasa ibunda bukan sahaja dari aspek pertuturan, bahkan dari aspek penulisan khususnya dalam konteks tatabahasa yang sememangnya mempunyai sistem dan nahu tersendiri. Berdasarkan permasalahan tersebut, maka kajian ini dilakukan untuk terus meningkatkan pemahaman dan kesedaran dalam kalangan semua pihak seperti murid, guru bahkan ahli akademik untuk mencari solusi yang dapat mengekang kesalahan tatabahasa dalam daripada terus dilakukan khususnya dalam kalangan murid.

**JADUAL 4:** Jumlah kekerapan kesalahan imbuhan dalam karangan

Bil.	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Kata Nama	14	21.2
2.	Kata Kerja	41	62.1
3.	Kata Adjektif	1	1.5
4.	Tidak Menggunakan Imbuhan dalam Ayat yang Memerlukan Imbuhan	4	6.1
5.	Imbuhan yang Tidak Tepat (Tiada dalam nahu Tatabahasa Melayu)	6	9.1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>66</b>	<b>100%</b>

Seterusnya, Jadual 4 memaparkan jumlah dan peratusan kesalahan imbuhan mengikut golongan kata. Jelas bahawa kesalahan penggunaan imbuhan kata kerja mencatatkan jumlah kesalahan imbuhan sebanyak 41 kesalahan bersamaan 62.1%, sekali gus mencatatkan jumlah kesalahan tertinggi berbanding golongan kata yang lain. Seterusnya, kesalahan penggunaan imbuhan kata nama mencatatkan 14 kesalahan bersamaan 21.2%, diikuti kesalahan penggunaan imbuhan yang tidak tepat, iaitu sebanyak enam kesalahan bersamaan 9.1% manakala empat kesalahan bersamaan 6.1% telah dikenal pasti bagi kesalahan tidak menggunakan imbuhan bagi kata yang memerlukan imbuhan. Kesalahan penggunaan imbuhan kata adjektif pula direkodkan sebagai

kesalahan paling rendah, iaitu satu kesalahan sahaja bersamaan 1.5%. Secara keseluruhan, sebanyak 66 kesalahan penggunaan imbuhan telah direkodkan berdasarkan semua jenis kesalahan imbuhan yang dilakukan responden.

### **Analisis Kesalahan Imbuhan dan Hubung kait Terhadap Aspek Makna Gramatikal**

#### **Analisis Kesalahan Imbuhan Awalan**

Imbuhan awalan terbahagi kepada tiga jenis golongan kata, iaitu imbuhan awalan kata nama, imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan awalan kata adjektif. Jadual 5 diperincikan data mengikut golongan kata bagi imbuhan awalan untuk dianalisis dengan mengambil contoh ayat dalam sampel karangan. Sampel ayat yang digunakan mempunyai kod tersendiri iaitu SK merujuk sampel karangan, P merujuk perenggan dan A merujuk ayat.

**JADUAL 5:** Kesalahan imbuhan awalan

Jenis Golongan Kata	Kesalahan Imbuhan Awalan(Jumlah)
Kata Nama (KN)	5
Kata Kerja (KK)	20
Kata Adjektif (KA)	1

Berdasarkan adual, imbuhan awalan kata kerja (KK) mencatatkan kesalahan tertinggi, iaitu sebanyak 20 kesalahan. Awalan kata nama (KN) pula mencatatkan jumlah kesalahan sebanyak lima kesalahan dan kata adjektif (KA) hanya satu kesalahan sahaja. Berdasarkan dapatan ini, analisis kesalahan imbuhan awalan bagi semua golongan kata akan dilakukan secara terperinci:

#### **1. Awalan Kata Kerja**

Terdapat beberapa bentuk kesalahan bagi imbuhan awalan kata kerja, iaitu awalan *di-*, *ber-* dan imbuhan *meN-* (*me-*, *mem-*, *men-*, dan *meng-*). Berikut merupakan analisis kesalahan imbuhan bagi awalan kata kerja (Singkatan Kod; SK: sampel karangan, P: perenggan, A: ayat):

**SK1P6A2:** *Antaranya ialah menghisap rokok, berminum arak dan menagih dadah.*

Berdasarkan ayat **SK1P6A2**, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *berminum*. Ayat tersebut merujuk kepada perbuatan meminum arak. Jika awalan *ber-* digunakan bagi perkataan *berminum*, maka ia tidak menepati makna yang ingin disampaikan dan hal ini secara tak langsung tidak menunjukkan makna yang tepat untuk menyampaikan maksud melakukan perbuatan tersebut. Imbuhan yang sesuai untuk perkataan ini ialah awalan *meN-*, iaitu *me-*. Hal ini kerana awalan ini menjadi *me-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *l, m, n, r, w, y, ny* dan *ng* serta menepati makna penggunaan imbuhan ini, iaitu melakukan sesuatu perbuatan. Oleh itu, dalam konteks ayat tersebut, awalan *me-* sepatutnya digunakan, iaitu *Antaranya ialah menghisap rokok, meminum arak dan menagih dadah*.

Menurut Lisa Purnamasari (2016), apabila sesuatu kata yang pada asalnya tidak tepat namun kemudiannya telah mengalami proses grammatikalasi termasuklah proses pengimbuhan yang tepat (dua proses grammatikalasi lain ialah pengulangan dan pemajmukan), maka kata tersebut boleh dirujuk sebagai makna gramatikal. Seperti yang dijelaskan oleh Wiyanto Agus (2012), makna gramatikal merupakan makna baharu yang muncul akibat peristiwa gramatis atau peristiwa ketatabahasaan. Tambah Lisa Purnamasari (2016), makna gramatikal sangat bergantung kepada struktur kalimat sesuatu ayat.

Oleh itu, sangat penting penggunaan kosa kata yang tepat dalam ayat (dalam konteks ini merujuk kepada imbuhan) bukan sahaja untuk menghasilkan ayat yang gramatis, malah bagi menghasilkan makna ayat yang tepat.

**SK2P5A3:** *Semasa kita bertidur, kita dapat menyenangkan dan menyelesakan badan kita yang letih atau lesu.*

**SK6P3A1:** *Di samping itu, Kokurikulum juga mencari murid yang berbakat dan aktif dalam bidang bersukan.*

Berdasarkan ayat **SK2P5A3** dan **SK6P3A1**, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *bertidur* dan *bersukan*, iaitu dari segi penggunaan awalan *ber-*. Berdasarkan ayat **SK2P5A3**, penggunaan perkataan *bertidur* tidak dapat menerangkan perihal yang berlaku kerana ia merupakan bentuk kata kerja transitif yang memerlukan pelengkap, tanpa pelengkap atau

berpenerang. Oleh itu, bagi menyampaikan perihal yang berlaku ketika tidur, adalah lebih tepat dengan mengekalkan kata dasar itu sahaja tanpa perlu penambahan imbuhan seperti, *Semasa kita tidur, kita dapat menyenangkan dan menyelesakan badan kita yang letih atau lesu*. Hal yang sama turut berlaku dalam konteks makna ayat **S1K6P3A1**. Ayat tersebut perlu ditulis seperti, *Di samping itu, Kokurikulum juga mencari murid yang berbakat dan aktif dalam bidang sukan*.

## 2. Awalan Kata Nama

Terdapat beberapa bentuk kesalahan bagi imbuhan awalan kata nama, iaitu awalan *pe-, peN-* iaitu *pen-* dan imbuhan awalan kata nama *ke-*. Berikut merupakan analisis kesalahan imbuhan bagi awalan kata nama:

**SK30P5A3:** *Hal ini dapat menyebabkan seseorang murid itu mengalami pelbagai jenis penyakit seperti obesiti dan menyumbang kepada peningkat kadar penghidap penyakit obesiti.*

Berdasarkan ayat **SK30P5A3**, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *peningkat*. Pemilihan awalan *peN-*, iaitu *pen-*, dari segi proses pengimbuhannya adalah betul kerana awalan ini boleh bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *c, d, j, sy, t* dan *z*. Namun, perkataan ini tetap salah dari segi pengimbuhannya kerana Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) tidak menunjukkan adanya perkataan *peningkat* secara tak langsung makna perkataan ini tidak dapat dipastikan. Hal ini menyebabkan makna ayat tersebut tidak dapat difahami dengan jelas.

Penggantian *pen-* kepada imbuhan apitan *pe...-an* dapat menjelaskan makna ayat dengan lebih tepat, iaitu menunjukkan makna kausatif, iaitu berkenaan bilangan penghidap menyakit obesiti yang meningkat. Oleh itu, ayat tersebut perlu ditulis seperti, *Hal ini dapat menyebabkan seseorang murid itu mengalami pelbagai jenis penyakit seperti obesiti dan menyumbang kepada peningkatan kadar penghidap penyakit obesiti.*

**SK4P5A3:** *Apabila kita tidur, organ kita berehat untuk bekerja keesok harinya.*

**SK4P6A3:** *Minuman ini tidak bagi kebaikan untuk kehidup kita.*

Berdasarkan ayat **SK4P5A3**, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *keesok*, iaitu penggunaan imbuhan awalan *ke-*. Sepatutnya, kata dasar *esok* menerima apitan *ke-...-an*. Hal ini kerana proses pengimbuhan ini tidak tepat dan juga memberi impak kepada makna ayat. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) tidak mendefinisikan makna bagi perkataan ini bahkan maknanya juga tidak terdapat dalam kamus. Hal ini menyebabkan makna ayat tidak dapat difahami. Situasi ini juga berlaku pada ayat **SK4P6A3** pada perkataan *kehidup*.

Oleh itu, penggantian imbuhan *ke-* kepada imbuhan *ke-...-an* seperti, *Apabila kita tidur, organ kita berehat untuk bekerja keesokan harinya* adalah tepat kerana ia mendukung makna yang ingin disampaikan serta menepati makna imbuhan apitan itu sendiri, iaitu dari segi makna *kena*. Dalam hal ini, ia menunjukkan bahawa organ kita berehat apabila kita tidur kerana kena kerja untuk hari esok pula. Ayat **SK4P6A3**, juga mengalami ketidakjelasan makna disebabkan hal yang sama seperti dalam ayat **SK4P5A3**. Imbuhan yang sepatutnya digunakan pada perkataan *kehidup* adalah imbuhan *ke-...-an*, iaitu *Minuman ini tidak bagi kebaikan untuk kehidupan kita*. Elemen yang berbeza adalah perkataan yang mengalami kesalahan imbuhan serta gangguan daripada segi makna dalam konteks ayat yang ingin disampaikan.

Berdasarkan kajian oleh Julisah Izar, Rengki Afria dan Dimas Sanjaya (2019), sesebuah wacana yang dibina bukan hanya penting dari segi kegramatisan ayat, sebaliknya sesebuah wacana dikatakan baik apabila hubungan antara kalimat-kalimatnya kohesif dan koheren. Ertinya, frasa-frasa serta klausa-klausa yang membangun sesuatu ayat perlu berhubung secara padu antara satu sama lain. Hal ini termasuklah dalam konteks penggunaan imbuhan yang tepat dalam ayat supaya proses pengimbuhan yang betul dapat menghasilkan makna yang efektif yang ingin disampaikan kepada khalayak pembaca.

### 3. Awalan Kata Adjektif

Terdapat beberapa bentuk kesalahan bagi imbuhan awalan kata adjektif, iaitu awalan *se-*. Berikut merupakan contoh analisis bagi kesalahan imbuhan awalan kata adjektif.

**SK10P7A1:** *Tambahan pula, kita hendaklah berjumpa dengan doktor untuk merawat secara sekala.*

Berdasarkan ayat **SK10P7A1**, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *sekala*. Penggunaan awalan *se-* tidak tepat dalam konteks ayat di atas walaupun dari segi pengimbuhanya betul. Penggunaan awalan *se-* pada kata dasar menunjukkan bahawa doktor melakukan rawatan sebanyak satu kali sahaja. Sedangkan, dari segi logiknya, rawatan yang diberikan oleh doktor adalah berulang kali sehingga pesakit sembah.

Oleh itu, awalan *se-* lebih tepat jika digantikan dengan awalan *ber-*. Proses pengimbuhan *sekala* itu dikatakan betul kerana ia membawa makna tetapi makna tersebut tidak mempunyai hubung kait yang jelas dengan konteks makna dalam ayat. Bagi menyampaikan makna ini, maka digantikan imbuhan tersebut dengan imbuhan *ber-*, iaitu *Tambahan pula, kita hendaklah berjumpa dengan doktor untuk merawat secara bekala* untuk menyampaikan makna itu. Jelaslah bahawa, perkaitan antara unit-unit bahasa diperlukan untuk melahirkan kesatuan yang utuh untuk menyampaikan maklumat.

Bagi memastikan maklumat yang hendak disampaikan itu tepat dari segi kegramatisan ayat dan kejelasan maknanya, Nurmasitah (2016) berpendapat bahawa ayat-ayat yang dibina perlu disusun secara kohesi. Bagi menghasilkan ayat yang kohesi ini, proses pengimbuhan dengan memilih frasa yang tepat sangat dititikberatkan bagi menghasilkan tautan yang bermakna dengan frasa dan klausa lain yang terdapat dalam sesuatu ayat. Tambah Nurmasitah (2016), keadaan ini penting untuk membentuk jalinan idea yang akhirnya dapat disampaikan dengan lancar kepada pembaca.

### Analisis Kesalahan Imbuhan Apitan

Imbuhan apitan terbahagi kepada tiga jenis golongan kata, iaitu imbuhan apitan kata nama, imbuhan apitan kata kerja dan imbuhan apitan kata adjektif. Jadual 6 berikut diperincikan data mengikut golongan kata bagi imbuhan apitan untuk dianalisis dengan mengambil contoh dalam sampel karangan yang dihasilkan responden kajian.

### JADUAL 6: Kesalahan imbuhan apitan

Jenis Golongan Kata	Kesalahan Imbuhan Apitan(Jumlah)
Kata Nama (KN)	5
Kata Kerja (KK)	19
Kata Adjektif (KA)	0

Jadual 6 menunjukkan jumlah kesalahan bagi imbuhan apitan. Jadual tersebut memaparkan kesalahan imbuhan apitan yang dilakukan oleh responden bagi kata nama dan kata kerja sahaja. Berdasarkan data dalam jadual tersebut, kesalahan imbuhan apitan kata kerja (KK) menunjukkan kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 19 kesalahan. Kesalahan berikutnya ialah kesalahan imbuhan apitan bagi kata nama (KN), iaitu sebanyak lima kesalahan manakala tidak terdapat kesalahan pada apitan kata adjektif. Berdasarkan dapatan ini, analisis kesalahan imbuhan akhiran bagi semua golongan kata akan dilakukan secara terperinci:

#### 1. Apitan Kata Kerja

Terdapat beberapa bentuk kesalahan bagi imbuhan apitan kata kerja, iaitu apitan *di-...-kan*, *di-...-i*, *meN-...-kan* (*me-...-kan*, *men-...-kan*, *meny-...-kan* dan *meng-...-kan*), *meN-...-i* (*meng-...-i*), *beR-...-kan* dan *beR-...-an*. Berikut merupakan contoh analisis kesalahan imbuhan apitan kata kerja:

**SK10P2A4:** Contohnya, nasi dan bijirin merupakan makanan karbohidrat yang perlu diambilkan dengan banyak dalam setiap hari.

Berdasarkan ayat **SK10P2A4**, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *diambilkan*. Apitan *di-...-kan* berfungsi untuk membentuk kata kerja pasif dan perkataan yang menggunakan imbuhan ini merupakan penanda pasif diri orang ketiga. Ayat tersebut ingin menjelaskan panduan untuk mengambil makanan karbohidrat, namun penggunaan apitan *di-...-kan*, iaitu *diambilkan* pada ayat seakan merujuk orang yang membantu untuk mengambil sesuatu. Hal ini menunjukkan makna ayat yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut terpesong daripada makna sebenar disebabkan penggunaan imbuhan yang salah.

Oleh itu, penggunaan apitan tersebut tidak sesuai dengan konteks ayat **SK10P2A4** kerana

tidak merujuk kepada orang, dan imbuhan tersebut perlu digantikan dengan imbuhan awalan *disahaja*, iaitu *diambil*. Maka, ayat tersebut perlu ditulisseperti, *Contohnya, nasi dan bijirin merupakan makanan karbohidrat yang perlu diambil dengan banyak dalam setiap hari*.

**SK28P3A3:** *Ini disebabkan oleh tidak berbualan antara ahli keluarga semasa berada di dalam rumah.*

**SK29P4A1:** *Seterusnya, ibu bapa seharusnya tidak menggunakan bahasa yang kasar ataupun kesat dan juga tidak bergaduhan di rumah di depan anak-anaknya.*

Menurut Nurmasitah dan Jama'yah (2015), sesuatu wacana perlu berhubung antara satu sama lain untuk membina makna yang jelas dan difahami oleh pembaca. Jika dilihat berdasarkan ayat **SK28P3A3** dan **SK29P4A1**, penstrukturuan ayat yang tidak gramatis dari segi kesalahan penggunaan imbuhan telah menjelaskan makna ayat berdasarkan penggunaan imbuhan pada perkataan *berbualan* dan *bergaduhan*. Kedua-dua ayat merupakan ayat aktif tak transitif. Namun, penggunaan imbuhan apitan *ber-...-an* tidak tepat walaupun ia menepati konsep ayat itu sendiri, yakni kata kerja itu boleh menerima pelengkap kata sendi nama. Tambahan pula, Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) tidak menyatakan makna bagi perkataan *berbualan* manakala makna bagi perkataan *bergaduhan* pula merujuk kepada perbuatan saling bergaduh.

Namun begitu, dalam ayat **SK28P3A3** ingin menyatakan bahawa tiada perihal berbual antara ahli keluarga dan ayat **SK29P4A1** pula menyatakan perihal tidak bergaduh dihadapan anak-anak. Oleh itu, bagi menyampaikan makna ini, sudah memadai dengan hanya menggunakan awalan *ber-* sahaja pada kedua-dua ayat, iaitu *Ini disebabkan oleh tidak berbual antara ahli keluarga semasa berada di dalam rumah*(**SK28P3A3**) dan *Seterusnya, ibu bapa seharusnya tidak menggunakan bahasa yang kasar ataupun kesat dan juga tidak bergaduh di rumah di depan anak-anaknya* (**SK29P4A1**).

#### 2. Imbuhan Apitan Kata Nama

Terdapat beberapa bentuk kesalahan bagi imbuhan apitan kata nama, iaitu apitan *peN-...-an* (*pe-...-an*

dan pem-...-an). Berikut adalah contoh analisis bagi kesalahan imbuhan apitan kata nama:

**SK10P3A2** *Perkara ini petepatan dengan dengan peribahasa melenturkan buluh biar dari rebungnya.*

**SK10P5A4** *Situasi ini petepatan dengan peribahasa mencegah adalah lebih baik daripada merawat.*

Berdasarkan ayat **SK10P3A2** dan **SK10P5A4**, terdapat kesalahan imbuhan pada perkataan *petepatan*. Kesalahan yang dimaksudkan ialah dari segi penggunaan imbuhan apitan *pe-...-an* yang tidak tepat. Imbuhan *pe-...-an* membawa makna tempat atau kawasan yang khusus atau hal atau keadaan yang terkandung dalam kata dasar. Namun, makna kedua-dua ayat tersebut tidak menunjukkan mana-mana makna yang khusus bagi imbuhan tersebut dan makna bagi perkataan *petepatan* juga tidak ditemui dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2015).

Dalam kedua-dua ayat di atas, imbuhan apitan yang sepatutnya digunakan ialah imbuhan apitan *beR-...-an* berdasarkan maknanya, iaitu dalam keadaan seperti maksud yang terkandung dalam kata dasar iaitu dalam keadaan yang tepat. Oleh itu, bagi menyampaikan makna ini, ayat tersebut adalah seperti, *perkara ini bertepatan dengan peribahasa melenturkan buluh biar dari rebungnya* bagi ayat **SK10P3A2** dan, *Situasi ini bertepatan dengan peribahasa mencegah adalah lebih baik daripada merawat* bagi ayat **SK10P5A4**.

**SK4P7A1:** *Aakhirnya, kita mestilah mengambil perubatan yang betul dan secukupnya.*

Berdasarkan ayat **SK4P7A1**, terdapat kesalahan imbuhan, iaitu pada perkataan *perubatan*. Hal ini demikian kerana penggunaan imbuhan apitan *per-...-an* pada kata dasar membawa makna yang berbeza. Perkataan *perubatan* membawa makna perihal berubat yang berkaitan dengan ubat atau usaha mengubati (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Namun begitu, makna yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut tidak menunjukkan usaha untuk mengubati tetapi makna yang ingin disampaikan ialah mengambil sesuatu dengan betul, iaitu *ubat*. Ubat didefinisikan sebagai benda yang digunakan atau disapu. Oleh

itu, penggunaan imbuhan apitan tersebut sepatutnya digugurkan sahaja dan hanya menggunakan kata dasar sahaja. Maka, ayat tersebut sepatutnya ditulis, *akhirnya, kita mestilah mengambil ubat yang betul dan secukupnya.*

## IMPLIKASI KAJIAN

Dari segi pedagogi Bahasa Melayu, kajian ini dapat membantu guru-guru mengetahui kelemahan aspek penggunaan imbuhan yang dilakukan murid ketika menulis karangan. Guru dapat menganalisis dengan lebih tepat tentang kesilapan penggunaan imbuhan yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan. Seperti yang dijelaskan oleh Farah Adlina (2019), kebanyakan pengajaran pada masa ini masih menggunakan kaedah tradisional. Kesan daripada pengajaran berpusatkan guru ini telah menjadikan murid malas berfikir dan gagal membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan menaakul dengan baik. Oleh itu, kajian ini diharap dapat membantu guru membina modul pemulihan dengan memberi penekanan terhadap aspek kesalahan penggunaan imbuhan yang dilakukan dalam karangan murid.

Selain itu, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada guru-guru bahawa agar tidak memandang remeh kemahiran tatabahasa. Guru perlu memberi penekanan terhadap kemahiran tatabahasa kerana pembentukan ayat yang gramatis dan tepat adalah berdasarkan pemahaman dan penguasaan terhadap aspek tatabahasa. Sebagai contoh, makna ayat yang ingin disampaikan turut dipengaruhi oleh penggunaan imbuhan dalam pembentukan kata. Kegagalan menyampaikan makna dengan baik samada dalam konteks lisan dan tulisan boleh menjelaskan komunikasi antara penyampai dan pendengar. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Nurmasitah dan Jama'yah (2015) yang menyatakan bahawa bagi menghasilkan karangan yang baik, ayat yang membentuk perenggan harus berkait antara satu sama lain bagi memudahkan pembaca memahami idea yang disampaikan. Bagi mencapai tujuan ini, kedua-duanya menekankan bahawa penulis perlu mahir memilih kosa kata yang sesuai di samping bertatabahasa dengan baik dan hal ini termasuklah dalam konteks penggunaan imbuhan yang betul dan tepat. Oleh yang demikian, penguasaan asas Bahasa Melayu perlu diterapkan oleh guru-guru kepada para murid supaya murid dapat menguasai

Bahasa Melayu secara efektif, dapat diguna pakai secara gramatis dan tepat dalam urusan sehari-hari atas dasar memartabatkan bahasa kebangsaan, dan bukan hanya untuk lulus dalam peperiksaan semata-mata.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap penguasaan bidang morfologi yang berbeza-beza dalam kalangan murid pelbagai bangsa. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara tradisional tidak relevan diguna pakai dalam konteks zaman teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) ini, sebaliknya guru-guru Bahasa Melayu perlu mencari jalan penyelesaian dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang berkesan. Hal ini sejajar dengan pendapat Roasharimah dan Zamri (2017) yang menjelaskan bahawa kajian seperti ini boleh mendorong para guru mencari dan menggunakan pendekatan, teknik atau kaedah yang sesuai untuk membantu menanam sikap dan persepsi positif, selain dapat meningkatkan pencapaian dan penguasaan semua murid, sama ada Melayu, Cina mahupun India dalam subjek Bahasa Melayu dengan baik.

Usaha ini bukan sahaja untuk menarik minat murid khususnya murid Melayu yang lemah dan murid bahasa kedua untuk tertarik dengan isu tatabahasa yang sememangnya kompleks, malah dapat membantu murid mencipta formula, menghafal atau belajar dengan cara yang lebih efektif tentang sistem kebahasaan Bahasa Melayu, sekali gus menangani masalah lemah terhadap penguasaan Bahasa Melayu itu sendiri.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian, kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti mempunyai hubung kait dari segi makna gramatikal. Hal ini kerana perubahan suatu bentuk kata itu apabila mengalami proses pengimbuhan akan memberi kesan terhadap perubahan makna gramatikal dan makna konteks satuan ayat tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan apabila murid menggunakan imbuhan yang salah, ia sekali gus tidak dapat menyampaikan makna ayat itu seperti mana yang ingin disampaikan.

Dapatkan kajian antaranya menunjukkan murid mengalami masalah yang paling ketara dari segi kesalahan imbuhan awalan *meN-*, iaitu alomorf *me-*, *men-*, *mem-* dan *meng-* serta apitan *meN-...-kan*, iaitu alomorfnya *me-...-kan*, *men-...-kan*, *meng-...-kan* dan *meny-...-kan* di samping

kesalahan-kesalahan imbuhan yang lain yang tidak begitu ketara.

Tambahan pula, kajian mendapati bahawa terdapat kata yang tidak mempunyai makna selepas mengalami proses pengimbuhan serta tidak menggunakan imbuhan pada kata dasar yang sepatutnya menerima imbuhan bagi menyampaikan makna ayat tersebut. Oleh itu, dari segi tahap tujuan, iaitu proses penyampaian makna ayat itu tidak dapat dilaksanakan dan ia turut memberi impak dari segi penerimaan makna ayat itu sendiri. Dalam situasi ini, penggunaan imbuhan itu seharusnya menepati fungsi makna gramatikal kerana ia akan memberi kesan dari segi tujuan dan penerimaan makna ayat itu.

Dapat disimpulkan bahawa terdapat hubung kait antara kesalahan imbuhan dengan makna gramatikal sesuatu konteks ayat. Kesalahan imbuhan secara tak langsung akan mengakibatkan makna gramatikal tidak tepat sekali gus memberi kesan dalam konteks satuan ayat. Walaupun terdapat 11 sampel karangan yang tidak mempunyai kesalahan imbuhan, hasil dapatkan menunjukkan bahawa masih terdapat murid yang menguasai imbuhan pada tahap sederhana. Murid memahami tujuan menulis ayat, iaitu dari segi makna yang ingin disampaikan, namun penguasaan sederhana dalam aspek imbuhan membataskan mereka untuk menyampaikan maklumat itu seperti mana yang difahaminya. Impaknya, kesalahan imbuhan berlaku seterusnya mengganggu proses penyampaian makna ayat itu.

Secara keseluruhannya, permasalahan ini dilihat mempunyai hubung kait dengan pemahaman murid berkenaan fungsi serta makna gramatikal yang dibawa oleh setiap imbuhan. Proses pengimbuhan akan menyebabkan perubahan makna gramatikal pada kata dasar. Jika murid tidak dapat memahami konsep serta makna gramatikal yang didukung setiap imbuhan, nescaya permasalahan ini akan berterusan dan bukan sahaja dalam konteks penulisan karangan bahkan mungkin dalam komunikasi harian murid itu sendiri. Selain murid mengetahui bagaimana proses pengimbuhan itu berlaku, murid juga perlu tahu fungsi serta perubahan makna yang berlaku selepas proses pengimbuhan berlaku. Oleh itu, murid dapat menggunakan imbuhan mengikut kesesuaian dari konteks makna gramatikal serta makna satuan ayat itu.

## RUJUKAN

- Amirotun Sholikhah. (2016). Statistik deskriptif dalam penelitian kualitatif. *Komunikasi*, 10 (2): 342-362.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7 (1): 3-13.
- Corder, S.P. (1973) *Introducing applied linguistics*. Lincoln: Penguin Books Ltd.
- Farah Adlina Mokter. (2019). Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 33-46.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Julisah Izar, Rengki Afria & Dimas Sanjaya. (2019). Analisis aspek gramatikal dan leksikal pada cerpen ‘Ketek Ijo’ karya M. Fajar Kusuma. *Titian: Jurnal Ilmu Humaniora*, 3 (1): 55-72.
- Kamus Dewan: Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lisa Purnamasari. (2016). Analisis makna leksikal percakapan dalam Program Acara “Mata Najwa” dan implementasinya dalam pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA. *Naskah Publikasi Program Studi Strata 1*. Universitas Muhammadiyah Surakarta: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan: Edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hidayu Mohd Rahim & Yahya Othman. (2016). Keberkesanan peta bulatan dan peta alir dalam meningkatkan penguasaan menulis karangan naratif murid-murid Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 68-77.
- Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badushah & Fairose Sulaiman. (2010). Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa Melayu*. Diperoleh daripada <https://www.scribd.com/doc/152028060/Kaji-an-Kelemahan-Tatabahasa-Pelajar-Cina-Dalam-Karangan>. (Diakses pada 18 Mac 2020)
- Nurmasitah Mat Hassan. (2016). Kohesi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar di sebuah universiti awam. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). Kohesi gramatikal penghubung dalam karangan berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3: 101-113.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 1-9.
- Roasharimah Ibrahim & Zamri Mahamod. (2017). Faktor dalaman yang memengaruhi penguasaan Bahasa Melayu murid Cina. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII*, 7-18. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2): 196-209.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business and Social Development*, 3 (2): 34-50
- Wiyanto Agus. (2012). *Kitab Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Jogja Bangkit Publisher.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Gombak: PTS Professional.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal*, 4 (1): 23-35.